
[BIL. 10 DIS 2018](#)

Institut Confucius bakal ditubuhkan di UM

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Confucius Institute Headquarters (Hanban) atau Kong Zi Institute yang bakal memanfaatkan mahasiswa dan masyarakat setempat terutamanya di negara-negara Asia Tenggara.

Dalam program ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir bertukar dokumen dengan Naib Canselor Hanban, Zhao Guocheng Ang yang berlangsung di Chengdu China pada 5 Disember 2018 yang lalu bersempena dengan ke-13 Institut Confucius.

Hadir sama Pengarah Bahagian Perancangan Hanban, Profesor Wang Yong, Setiausaha Jawatankuasa Antarabangsa, Pengarah Pejabat Hubungan Antarabangsa Hebei University, Profesor Li Xiaoliu dan Pengarah Pusat Bahasa Mandarin UMP, Yong Ying Mei.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kewujudan institut ini akan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penguasaan Mandarin dan juga pertukaran kebudayaan melibatkan dua negara.

"Malah, hasil hubungan baik UMP dengan pihak Hebei University sejak tahun 2011 terdapat seramai 22 gubernetor di sini," katanya.

Hebei University merupakan universiti di China yang dilantik oleh pihak Hanban bagi usaha kerjasama terutamanya dalam bidang pendidikan.

Setakat ini dua institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang telah sedia ada ialah Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Prof. Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dilantik TNC (Akademik & Penyelidikan)

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, 51, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan A (UMP) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 Disember 2018.

Beliau yang berasal dari Pasir Putih, Kelantan ini memiliki kelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Arbor, USA (1990), Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Rensselaer Polytechnic Institute, U Pembuatan Termaju) dari Universiti Sains Malaysia (2004).

Beliau yang mula berkhidmat sebagai pensyarah UMP di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) sejak tahun Dekan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) selama lima tahun bermula dari tahun 2012.

Di samping itu juga, beliau pernah dilantik sebagai Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pihak universiti amat berbesar kepada Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik atas pelantikan ini.

"Semoga dengan pelantikan ini, UMP terus cemerlang untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul teknologi bukan sahaja di Malaysia malahan di persada antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, pihaknya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Timbalan Na Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus yang turut menyumbang dalam memartabatkan UMP menjadi antara

Berada pada landasan terbaik, UMP sentiasa memastikan pembentukan kurikulum akademik yang dihasilkan yang kompeten dan profesional serta menjadikan infrastruktur akademik lebih efisien berorientasikan keper

Penyelidikan UMP terus diiktiraf di Korea

Hasil penyelidikan pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus diiktiraf apabila dinobatkan tiga pingat perak dan empat gangsa dalam *Seoul Invention & International Fair* (SIIF) yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan pada Disember 2018 yang lalu.

Projek penyelidikan bertajuk '*Next Generation Security Operation Center*' (NGSOC) yang diketuai oleh Pensyarah Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Ts. Dr. Mohamad Fadli Zolkipli telah menerima pingat emas dan anugerah khas.

NGSOC merupakan sebuah framework yang dibangunkan untuk membolehkan sesebuah organisasi meningkatkan keselamatan (SOC) secara dalaman (*in-house*).

Menurut Ts. Dr. Mohamad Fadli, kelebihan yang ditawarkan oleh *framework* ini adalah dapat meningkatkan keselamatan dalaman dan dapat menjadi strategi pertahanan digital kepada sesebuah organisasi.

Projek yang dibangunkan hasil kerjasama dengan pihak SysArmy Sdn. Bhd ini juga turut dianugerahkan pingat perak sebagai *Inventors and Rationalizers* dari Poland.

Satu lagi kajian beliau bertajuk '*Safecyber: System For The Safety of Financial Transaction and Users*' Anugerah Khas memenangi pingat gangsa.

Manakala projek bertajuk '*Firefly Combinatorial Test List Generator For Lot Systems*' oleh Dr. Abdulrahman menerima pingat emas dan anugerah khas.

Satu lagi pingat emas pula diraih oleh Profesor Madya Dr. Wan Azmi Wan Hamzah menerusi projek '*Nanocoolant*'.

Dalam pada itu, UMP menang pingat perak hasil projek penyelidikan Dekan FSKKP, Profesor Dr. Kamal Zulkarnain bertajuk '*Test Suite Generator For Large lot Testing*' manakala pingat gangsa diraih Profesor Madya Ir. Dr. Fadzil bin Ismail, Pembinaan (FKP), Dr. Izan Izwan Misnon dari Fakulti Sains Teknologi & Industri (FSTI) dan Dr. Shamsul Bahari dari Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Penganjuran SIIF 2018 menyaksikan lebih 600 hasil penyelidikan dipamerkan dengan memfokuskan pemindahan teknologi membabitkan penyelidik dari seluruh dunia termasuklah Indonesia, Korea, Taiwan dan Saudi.

Penganjuran mendapat kerjasama pihak *Korea Invention Promotion Association (KIPA)*, *Korea Intellectual Property Organization (WIPO)* dan *International Federation of Inventors Association (IFIA)*.

12 sukarelawan MASKUM UMP curah bakti di bu

Oleh: RAHMAN AHMAD, JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Seramai 12 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Majlis Sukarelawan Universiti-universiti khidmat sosial dan menceriakan persekitaran rumah anak yatim dengan membina produk landskap kerusi Mukanol Udubiyah, Aceh pada 5 Disember 2018 yang lalu.

Mereka turut berkongsi pengalaman dengan bergotong-royong membuat keropok lekor untuk dihidangkan menempatkan seramai 50 orang penghuni.

Aktiviti ini adalah sebahagian daripada program *Aceh Global Exploration* anjuran Jabatan Hal Ehwal P sokongan daripada pihak UMP Eco Pest Sdn. Bhd. dan Kenz Trans & Travel Sdn. Bhd.

Menurut Pengarah Program, Siti Aishah Darmawanshah dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI), sungguhpu namun mereka juga berdepan dengan cabaran terutamanya dalam mendapatkan bahan untuk binaan m berbeza berbanding di Malaysia.

“Cabaran ini memberikan kami peluang mempelajari perkara baharu termasuklah penggunaan pasir, batu-

“Namun kami berpuas hati apabila berjaya menyiapkan kerusi dan meja ini dalam tempoh dua hari sahaja di sini.

“Sukarelawan juga turut berpeluang bertemu dengan 40 orang penghuni di Rumah Anak Yatim Cinta Kasih

Tambah beliau lagi, selain mengadakan program motivasi mereka juga menggembirakan anak-anak dengan menyumbang kipas dan alat pembasmi serangga *Pest Killa* untuk membantu penghuni di sini.

Sementara itu, menurut Pengurus Besar, JHEPA, Abd Rahman Haji Safie yang merupakan penasihat, beliau berharap program ini dapat meningkatkan kemahiran dan mempraktikkan apa yang dipelajari dalam sesi pembelajaran serta meningkatkan

“Mereka sendiri turun padang untuk mendekati diri dengan masyarakat setempat dan menyokong terhasrat mereka dalam menggunakan teknologi.

“Dalam pada itu, mereka turut berpeluang bertukar-tukar pengalaman dengan mahasiswa Universitas Syiah Kuala. Beliau berkata, beliau berharap program ini dapat meningkatkan kemahiran dan mempraktikkan apa yang dipelajari dalam sesi pembelajaran serta meningkatkan

Teater '*Friendship*' bawa penonton imbau kenangan zaman

Pementasan teater bertajuk '*Friendship*' mengangkat tema kisah persahabatan dan pertelingkahan di antara Sekolah Menengah Kebangsaan Warisan.

Watak yang ditonjolkan berjaya membawa penonton untuk mengimbau kembali kenangan pada zaman persekolahan.

Karya yang dipentaskan Kelab Waris Theatre pada 2 Disember 2018 yang lalu itu berkisarkan konflik yang berlaku antara para guru, ditambah pula dengan kisah percintaan dan kisah lampau dua orang sahabat baik iaitu Pok Ta dan Pok K. Mereka telah menghidupkan lagi kemeriahan di kelas 5 Cempedak.

Justeru, tidak hairanlah jualan tiket pada kali ini mendapat sambutan luar biasa daripada kalangan warga UMP. Tiket-tiket itu berjaya dijual.

Pengarah produksi '*Friendship*', Mohamad Lokman Idris yang merupakan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi, berkata para penonton pastinya tidak menyangka jangka masa latihan produksi hanyalah sekitar dua minggu sahaja.

“Tempoh latihan yang singkat bukanlah penghalang bagi pasukan produksi '*Friendship*' untuk menonjolkan watak-watak yang mempunyai bakat besar yang dimiliki oleh para pelakon sendiri,” ujar beliau.

Lebih dikenali sebagai Lo'i, 20, beliau sangat berbesar hati kerana diberikan kepercayaan dalam mengemudikan produksi ini oleh Muhammad Fuad Ahmad Nasser yang merupakan seorang karyawan berpengalaman dan pernah membintangi beberapa drama di Malaysia baru-baru ini.

Ditambah pula dengan tenaga produksi publisiti yang mantap, sememangnya sangat membantu karya ini agar dapat mencapai kejayaan.

Menjadi seorang pengarah buat pertama kalinya ini, sememangnya mencabar dirinya seterusnya menjadi seorang pengarah yang baik setakat ini. Beliau juga mahu dari kepompong zon selesa sebagai seorang pelakon dan belajar untuk menjadi pengarah yang baik setakat ini. Beliau juga mahu keluar sana.

Katanya, antara cabaran lain yang dihadapi dalam mengendalikan produksi ini juga ialah kekangan mas pelakon baharu yang kehausan pengalaman dan tunjuk ajar.

“Namun begitu, produksi yang bertulang belakangkan seramai 76 orang ini, dilihat sebagai satu sum meneruskan perjuangan tersebut hingga ke akhir.

“Teater sememangnya tidak mampu membuatkan kita kaya dengan harta benda, sebaliknya men pengalaman,” katanya.

Dengan moto beliau, 'Teater Memanusiakan Manusia', kepuasan dalam menyertai teater ialah perasaan bersama penonton.

-
- 98 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

